

# Dr. M: Undur jika tak boleh menang

Oleh  
ZAHARUDDIN MOHD. ALI  
LM 11 SEP 1993

**K**UALA TERENGGANU 10 Sept. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan calon-calon yang tidak boleh menang dalam pemilihan parti itu November ini supaya menarik diri.

Menurut beliau, bukanlah sesuatu yang malu dan hina berbuat demikian kerana seseorang calon itu harus menerima hakikat dan akur kepada keadaan semasa.

"Saya berpendapat ini adalah cara yang terbaik kerana takkan seseorang itu hendak bertanding semata-mata kerana dia mempunyai hak untuk bertanding bagi memenuhi amalan demokrasi yang ada dalam UMNO.

Bagaimanapun, jika in juga diadakan per-

tandingan, calon harus menerima keputusan jika tewas dan menyokong calon yang dipilih oleh majoriti sekurang-kurangnya sehingga tempoh pemilihan akan datang kerana amalan ini juga adalah demokrasi," jelasnya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di majlis perjumpaan dengan ketua-ketua bahagian UMNO Negeri Terengganu di kediaman Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di sini pagi ini.

Selain Menteri Besar, turut hadir di majlis itu ialah Menteri Perusahaan Awam, Dato' Dr. Yusof Noor selaku Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Negeri, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Tengku Mahmud Mansor yang juga Setiausaha Badan Perhubungan UMNO

■Lihat muka 2

## Dr. M: Undur jika tak boleh menang

UM 11 SEP 1993

serta ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri.

Dr. Mahathir juga berkata, umumnya semua mengetahui bahawa beliau telah menasihatkan supaya jawatan Timbalan Presiden UMNO jangan ditandingi.

Bagaimanapun, katanya, ia cuma sekadar nasihat dan ramai ahli UMNO mahu supaya diadakan pemilihan jawatan Timbalan Presiden untuk mengekalkan sistem demokrasi yang diamalkan oleh parti itu.

"Oleh itu kita beri peluang untuk mengadakan pemilihan setelah saya mendengar suara-suara dari kiri, kanan, depan dan belakang yang meminta supaya mereka dibenar untuk membuat pencalonan dan pemilihan.

"Dalam hubungan ini, saya tidak boleh berkata tidak kepada mereka yang ingin membuat pencalonan kerana ia bukanlah amalan demokrasi.

"Oleh itu saya membenarkan dan ini tidak pula bermakna saya sokong sesiapa. Sebagai pengamal demokrasi, saya cuma membenarkan amalan demokrasi dilaksanakan," jelas beliau.

Beliau menegaskan, oleh itu keizinan yang beliau berikan cuma 'izin' dan terpulanglah kepada ahli-ahli untuk membuat pemilihan.

Dr. Mahathir juga merujuk kepada dirinya yang kini telah berusia 69 tahun dan katanya, ia juga menjadi satu perkara yang dibangkit-bangkitkan oleh ahli-ahli UMNO.

"Saya sedar yang saya ini tidak kekal dan ini

mengingatkan saya kepada pepatah Inggeris *Don't overstay your welcome*.

"Bila kita tengok tuan rumah dah gelisah, kita kenalah beritahu yang kita nak balik. Masalahnya ada yang dah nampak tuan rumah dan gelisah tetapi buat tak nampak.

"Oleh itu saya berdoa supaya saya dapat mengenali tanda-tanda ini dan apabila orang dah tak mahu, saya boleh kata selamat tinggal," jelasnya.

### Pelaksanaan

Presiden UMNO itu menegaskan, pelaksanaan sesuatu tugas bukanlah hanya untuk seseorang individu tertentu sahaja di mana jika orang lain memegang jawatan yang sama, mungkin ia akan memberi hasil yang lebih baik dan berjaya.

Oleh itu, katanya, adalah penting setiap ahli UMNO yang membuat pemilihan di peringkat bahagian atau pusat membuat penilaian agar calon yang dipilih benar-benar dapat menentukan nasib orang Melayu dipelihara dan negara ditadbir dengan baik.

Beliau mengingatkan perwakilan sama ada di peringkat bahagian atau perhimpunan agung supaya jangan terpengaruh dengan ugutan, sogokan dan janji-janji manis pihak-pihak tertentu.

"Kita kena buat pertimbangan dengan wajar supaya keputusan yang kita buat mengekalkan pemerintahan dan kita memperoleh banyak nikmat dan faedah daripada pemilihan yang akan diadakan," jelas beliau.